

# PEMIMPIN TAK IKUT DESAKAN EKSTREM-PM

16 AUG 1982

**KUALA LUMPUR, Ahad —** Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mensifatkan seorang pemimpin yang mahukan dirinya 'populer' dengan mengikut desakan ekstrimis dari pengikut-pengikutnya, sebagai bukan seorang pemimpin.

"Setengah-setengah dari kita terlalu terikut-ikut dengan desakan pengikut-pengikutnya. Ini menyebabkan kita terperangkap dalam mengendalikan kehendak yang ekstrim dalam

kumpulan yang dipimpin," kata Perdana Menteri ketika merasmikan simposium mengenai 'Sikap Baru Kepimpinan' anjuran MIC di sini hari ini.

"Oleh kerana kita hendak kekal 'populer', kita terpaksa menonjolkan diri kita dengan tuntutan yang ekstrim untuk mendapat sokongan," kata Datuk Seri Dr. Mahathir sambil menambah mereka bukanlah pemimpin sebaliknya mereka juga adalah pengikut.

Perdana Menteri yang

juga Pengerusi Barisan Nasional berkata, sebagai seorang pemimpin, mereka seharusnya menasihatkan pengikut-pengikutnya di samping memenuhi kehendak-kehendak mereka.

Katanya, pemimpin-pemimpin tersebut haruslah menasihatkan pengikut-pengikutnya supaya jangan membuat tuntutan yang ekstrim dan bergantung kepada sesuatu yang tidak boleh diperolehi. Ini hanya akan menimbulkan konflik dengan kumpulan yang lain.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, seseorang pemimpin seharusnya bersedia bertindak walaupun tindakan itu boleh menyebabkan ia tidak begitu popular.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang menujukan ucapannya kepada umum menggariskan, pemimpin yang baik adalah mereka yang tahu mengikuti jalan sederhana. Mereka mesti tahu tahap untuk membolehkan mereka kekal sebagai seorang pemimpin dan mempunyai

pengikut yang baik.

Bellau berkata, perkara tersebut bukanlah mudah kerana ia memerlukan pengamatan teliti yang tidak boleh diperolehi dengan membaca buku atau mengikuti kursus.

Perdana Menteri berkata, di samping pengalaman yang luas, mereka juga seharusnya memahami psikologi orang ramai untuk membolehkan kumpulan yang dipimpin teguh.

Bellau juga mengingatkan, seseorang pemimpin tidak seharusnya terseret dengan 'gelaran' yang diberikan ke atas mereka atas sifat seseorang pemimpin. Kepimpinan adalah faktor penting untuk memajukan masyarakat.

Para pemimpin, katanya, seharusnya menyematkan di fikiran bahawa disebabkan ada pengikut, maka adanya pemimpin. Sekiranya semuanya jadi pemimpin, ia akan menimbulkan huru-hara.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sistem yang digunakan di negara ini untuk memilih pucuk pimpinan adalah menerusi suara ramai.

Oleh itu, jelasnya, pengikut minoriti haruslah sentiasa mematuhi keputusan majoriti.